

Headline	120 saintis terbabit ekspedisi Bukit Cerakah	Language	Malay
Date	21 Jul 2009	Page No	33
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	135 cm²
Section	Sentral	Color	Black/white
Journalist	N/A	PRValue	5,523
Frequency	Daily		
ADValue	1,841		



120 saintis terbabit ekspedisi Bukit Cerakah

SHAH ALAM: Seramai 120 saintis dari pelbagai agensi dijangka terbabit dalam ekspedisi Bukit Cerakah, di sini untuk menjalankan penyelidikan ke atas flora dan fauna yang terdapat di hutan berkenaan bagi tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah alam rimba.

Pengarah Eksekutif yang juga Ketua Pegawai Eksekutif WWF-Malaysia, Datuk Dr Dionysius S K Sharma, berkata saintis yang terbabit dalam penyelidikan itu termasuk dari beberapa universiti dalam negara, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) serta beberapa badan bukan kerajaan. "Pembabitan mereka

ini akan membantu orang ramai untuk lebih memahami kepentingan yang ada di hutan seterusnya dapat menghargai keajaiban yang ada selain dapat mengenalpasti dan menyenaraikan pelbagai spesies hidupan liar, flora dan fauna.

"Ia juga dapat memberi sumbangan besar dan berterusan sama ada dalam bidang penyelidikan, pengurusan atau amalan, untuk menyelamatkan, melindungi, memulih, memulihara atau mempertingkatkan sumber dan alam sekitar," katanya pada sidang media program Ekspedisi ke Bukit Cerakah di sini, baru-baru ini.

Hadirsama, Ketua Pegawai Eksekutif Setia Eco Park Bandar Eco-Setia Sdn Bhd, Koe Peng Kang dan Pengarah

Eksekutif Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Dr Loh Chi Leong.

Ekspedisi yang kali pertama diadakan di hutan simpanan yang diwartakan itu akan dijalankan selama sebulan di mana hasil daripada penyelidikan itu akan diterbitkan dalam bentuk buku naskhah mewah untuk diedarkan ke sekolah, penduduk Setia Alam dan Setia Eco Park, WWF dan pejabat MNS.

Ekspedisi anjuran Setia Eco Park yang mendapat kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, WWF dan MNS serta sokongan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) itu membabitkan kos keseluruhan antara RM100,000 ke RM200,000 yang dibiayai Setia Eco Park serta beberapa agensi lain.